

Banjir lumpur hantui penduduk Serdang

DI SERDANG, Pusat Perdagangan Seri Kembangan dikenal pasti sering berlaku banjir lumpur atas permukaan jalan raya melalui kawasan itu.

Terletak di kawasan rendah, air dari kawasan berbukit yang kini giat dijalankan projek pembangunan mengalir bersama lumpur ke kawasan berkenaan.

Adun Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah berkata, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sudah merangka pelan menaik taraf sistem pengaliran di kawasan berkenaan.

Satu kolam takungan besar akan dibina untuk menampung jumlah air yang menyebabkan kawasan komersil dan perdagangan itu sering 'terendam' dalam air lumpur berwarna coklat kekuningan.

"Sebelum ini didapati kawasan perdagangan terletak di kawasan rendah menjadi punca air dari tapak pembangunan yang terletak di kawasan lebih tinggi mengalir ke bawah setiap kali hujan lebat," katanya.

Hian Wah berkata, bagi masalah banjir di Serdang Lama yang berlarutan sejak 20 tahun lalu pula, MPSJ dalam proses melaksanakan projek naik

taraf sistem saliran dengan kos sebanyak RM382,000.

Katanya, banjir kilat itu turut menjejaskan warga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kun Man apabila air naik mendadak ketika hujan lebat.

"Projek pencegahan banjir dilaksanakan di lima lokasi sudah dimulakan dan akan siap beberapa bulan lagi," katanya.

Di Jalan Kuyoh pula, limpahan berlaku kerana permukaan jalan raya lebih rendah dari paras air sungai.

Namun selepas pam air dipasang, banjir di kawasan berkenaan didapati berkurangan.

Sementara itu, Ketua Pusat Perkhidmatan dan Penyelarasan Kawasan Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon berkata, longkang sempit dan sistem perparitan yang ter-

lalu lama menjadi punca banjir berlaku di beberapa kawasan di Seri Kembangan.

Katanya, penduduk sering dengar peruntukan diumumkan untuk projek menebat banjir namun bencana itu seolah-olah tidak berkesudahan.

"Ada tempat yang tak pernah naik

air pun melimpah bila hujan, lebih terkejut pasar pagi Seri Kembangan yang 40 tahun tak pernah banjir pun boleh banjir," katanya.



Banjir di Serdang Lama dijangka berakhir apabila MPSJ selesai melaksanakan projek naik taraf sistem perparitan.



Banjir kilat turut melanda Pusat Perdagangan Seri Kembangan.